

Kerajaan sentiasa komited lindungi hak wanita

Undang-undang sedia ada mampu cegah keganasan

Pada 25 Ogos setiap tahun, negara merayakan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan. Ia bagi memberi pengiktirafan khusus terhadap peranan wanita di negara ini.

Dalam era kemajuan ini, wanita berpotensi menjadi sumber pembangunan dalam pelbagai bidang, berpegang kepada hakikat ini pada tahun 1989, kerajaan menggubal dasar berkaitan wanita iaitu Dasar Wanita Negara yang mengiktiraf hak wanita.

Dasar ini mendukung cita-cita negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi menjamin kedaulatan, kemakmuran, keadilan, kebebasan serta hak asasi manusia terutama wanita.

Ia memberi panduan dan hala tuju aspek perancangan serta pelaksanaan program pembangunan negara, khususnya yang membabitkan wanita secara langsung ataupun tanpa diskriminasi.

Diberi hak sama rata

Wanita di Malaysia beruntung kerana hak mereka tidak dipandang remeh kerajaan. Wanita mendapat segala hak utama sama ada dari segi peluang pekerjaan, ekonomi, pemilikan harta dan hak bersuara. Dari segi perundangan, pelbagai undang-undang diwujudkan untuk melindungi serta menjamin hak wanita.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) misalnya diluluskan Parlimen pada 19 Mei 1994 dan diwartakan pada 7 Julai 1994 khusus untuk melindungi dan menjamin keselamatan wanita dalam rumah tangga.

Ia berkuat kuasa pada 1 Jun 1996 untuk membendung kecenderungan menggunakan keganasan rumah tangga sebagai alat menyelesaikan masalah dan memelihara kesejahteraan sesebuah keluarga.

Akta itu juga adalah instrumen untuk mangsa mendapatkan perlindungan segera apabila keganasan diperlakukan ke atas dirinya. Pada tahun 2012, kerajaan telah membuat pindaan terhadap akta itu dengan menjadikan penderaan psikologi antara bentuk penderaan terhadap wanita dalam rumah tangga.

Bagi mengatasi masalah gangguan seksual di tempat kerja, pelbagai peraturan diwujudkan bagi melindungi wanita. Untuk penjawat awam, kerajaan mewujudkan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan) 2002 yang mana Peraturan 4A (1) memperuntukkan bahawa seseorang pegawai awam dilarang melakukan gangguan seksual.

Pada tahun 2005, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperkenalkan pekeliling 'Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.'

Pada penghujung tahun 2012, usul dikemukakan bagi mengenakan peraturan melarang Ahli Parlimen mengeluarkan kenyataan berunsur seksisme.

Kementerian Sumber Manusia pula mengambil inisiatif melancarkan 'Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja' pada tahun 1999, khusus untuk mengendalikannya masalah itu dalam kalangan pekerja sektor swasta.

Bermula 1 April 2012, Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265) memasukkan satu bahagian baru khusus untuk mengendalikannya gangguan seksual di tempat kerja iaitu Bahagian XVA (Seksyen 81A sehingga 81G).

Kakitangan yang berhadapan masalah gangguan seksual di tempat kerja akan dilindungi apabila majikan diwajibkan menyasiat aduan kes berkenaan melalui pindaan Akta 265 terbabit.

Pada tahun 2007, Parlimen meluluskan seksyen baru dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) bagi melindungi wanita daripada jenayah berunsur seksual seperti rogol.

Seksyen 375A Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa 'Mana-mana lelaki sepanjang perkahwinan yang sah didapati mendatangkan kecederaan atau ketakutan mati atau cedera kepada isterinya atau orang lain, bagi mendapatkan hubungan seks boleh dihukum penjara untuk tempoh sehingga lima tahun.'

Satu lagi perincian dimasukkan ke dalam Akta 574 terbabit dengan memperkenalkan Seksyen 375 (f) iaitu kategori baru membabitkan orang yang diberikan amanah dan kepercayaan oleh seseorang wanita, misalnya majikan tetapi menyalahgunakan kepercayaan yang diberi untuk mendapatkan kepuasan seks.

Komited lindungi wanita

Semua undang-undang dan peruntukkan disediakan itu menunjukkan kerajaan amat komited dalam hal melindungi wanita. Namun, tidak dinafikan terdapat pelbagai jenis halangan untuk melaksanakannya dengan berkesan.

Antara yang sering dilaporkan ialah ketidakberkesanan prosedur dalam undang-undang, pampasan tidak mencukupi serta kekurangan sokongan terutama membabitkan jenayah sensitif seperti seksual.

Justeru, tema Hari Wanita Peringkat Kebangsaan pada tahun ini iaitu 'Wanita Pendukung Aspirasi Negara' bukan saja memberi makna tersendiri tetapi turut membawa amanah dan tanggungjawab lebih besar untuk direalisasikan.

Usaha lebih gigih perlu diambil untuk membantu wanita. Kerajaan perlu sentiasa menyemak undang-undang yang kurang berkesan serta membabitkan lebih ramai wanita dalam penggubalan dan pelaksanaan akta berkaitan mereka.



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW

rencana@bh.com.my



Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)